



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

***INTOSAI WORKING GROUP ON FOLLOW-UP
AUDIT (WGFA) KNOWLEDGE SHARING
WEBINAR 2025 DENGAN KERJASAMA ASEANSAI
KNOWLEDGE SHARING COMMITTEE (KSC)***

UNTUK SIARAN SEGERA

PUTRAJAYA, 27 November 2025 - Susulan kejayaan ***Inaugural Meeting of the INTOSAI Working Group on Follow-up Audit (WGFA)*** yang telah berlangsung dari 26 hingga 28 Jun 2025 di Pulau Pinang, Jabatan Audit Negara (JAN) meneruskan langkah proaktif dalam memperkasa pengauditan sektor awam serantau melalui program ***Knowledge Sharing Webinar 2025*** anjuran **INTOSAI WGFA** dengan kerjasama ***ASEANSAI Knowledge Sharing Committee (KSC)***.

Penganjuran webinar ini bertujuan untuk mengukuhkan jaringan profesionalisme juruaudit disamping memupuk perkongsian pengalaman dan kepakaran antara Institusi Audit Tertinggi (SAI) di peringkat antarabangsa bagi memantapkan pelaksanaan Susulan Audit.

Perasmian webinar ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara Malaysia yang juga merupakan Pengerusi kepada kedua-dua INTOSAI WGFA dan ASEANSAI KSC. Webinar ini telah berjaya menarik **penyertaan seramai lebih 350 peserta di kalangan ahli INTOSAI WGFA dan ASEANSAI KSC yang terdiri daripada 44 SAI dari 5 Rantau Dunia yang meliputi ASOSAI, EUROSAI, AFROSAI, ARABOSAI dan CAROSAI.**

INTOSAI WGFA, yang dianggotai oleh **60 Institusi Audit Tertinggi** memfokus kepada pengukuhan amalan terbaik pelaksanaan Susulan Audit bagi meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Memacu Kecemerlangan Susulan Audit di Peringkat Antarabangsa

Antara intipati webinar ini ialah:

- Perkongsian oleh wakil INTOSAI Development Initiative (IDI) yang menekankan peranan Sistem Audit Susulan yang kukuh sebagai asas kepada peningkatan keberkesanan serta impak pengauditan, sekali gus mendorong penambahbaikan tatakelola; dan
- Perkongsian pelaksanaan Susulan Audit oleh lima SAI dari Thailand, Kazakhstan, Oman, Kenya dan Tunisia.

Hasil perkongsian webinar ini akan dijadikan rujukan dalam penyediaan kerangka **Kerja Kit/ Panduan Amalan Baik bagi Susulan Audit** yang lengkap dan komprehensif. Maklumat lanjut dan perkembangan terkini WGFA boleh dilayari melalui portal rasmi di <https://intosai.wgfa.my>

Kepengerusian Jabatan Audit Negara (SAI Malaysia) dalam Jawatankuasa ini di peringkat INTOSAI buat julung kalinya mencerminkan kepimpinan SAI Malaysia dalam memperkukuh impak pengauditan melalui mekanisme Susulan Audit secara sistematik dan lebih berstruktur di kalangan Institusi Audit Tertinggi.

Jabatan Audit Negara
#120TahunJAN

